

# 'Henti kritikan terbuka'

## Pemuda sifatkan suara Dr Mahathir hanya pandangan individu

**Oleh Magendran Rajagopal**

**K**UALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno meminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menghentikan kritikan terbuka yang mencabar kewibawaan pucuk pimpinan negara dengan menyifatkan suaranya hanya pandangan seorang individu.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata semua keputusan kerajaan dan parti dibuat adalah berdasarkan persetujuan bersama dengan meletakkan kepentingan rakyat melebihi segala-galanya.

"Beliau boleh membuat apa saja dakwaan tetapi kesudahannya, terpulung kepada perwakilan membuat keputusan. Tun (Dr Mahathir) juga tahu ada kalanya kita mahu bertanding tetapi perwakilan tidak mahu kita, tidak dapat menerima kita.

"Ia adalah pilihan perwakilan. Jika mereka mahu, sudah tentu mereka

dapat menerima kita. Perwakilan Umno bukannya bodoh," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Perdana Menteri dan menteri Kabinet di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, kelmarin.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran, juga menyifatkan dakwaan Dr Mahathir beliau menghalang orang lain bertanding bagi jawatan Naib Ketua Pemuda itu seolah-olah memperlekehkan kedudukan Majlis Tertinggi Umno.

Sebelum ini, Dr Mahathir mendakwa pemilihan Khairy Jamaluddin sebagai Naib Ketua Pemuda boleh dipertikaikan kerana Hishammuddin menegah calon lain bertanding jawatan itu untuk memberi laluan kepada menantu Perdana Menteri.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor pula menyifatkan tindakan Dr Mahathir mengkritik Abdullah sehari selepas perjumpaan empat mata itu sebagai

perbuatan yang mencabul keterbukaan Perdana Menteri untuk berbilang.

"Ini tidak adil, Dr Mahathir tidak seharusnya membuat kritikan seumpama itu. Beliau seharusnya membicarakan semua isu secara jujur ketika berjumpa Perdana Menteri dan bukannya menggunakan forum lain

*"Saya pelik dengan Dr Mahathir kerana baru sekarang membangkitkan isu pelantikan Khairy Jamaluddin sebagai Naib Ketua Pemuda"*

**Hishammuddin Hussein**  
*Ketua Pergerakan Pemuda Umno*

bagi terus membidas.

"Saya tidak tahu apa yang membuatkan Dr Mahathir tidak puas hati. Ekonomi kita baik, semua masalah dapat ditangani dan Perdana Menteri serta Kabinet mampu mengawal keadaan. Biarlah kami (Kabinet) melaksanakan tugas," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Setiasaha Agung Umno, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, berkata beliau kecewa kerana perjumpaan empat mata antara Abdullah dan Dr Mahathir gagal membawa hasil yang diharapkan.

"Saya hanya boleh berdoa agar ketegangan ini reda tetapi nampaknya ia tidak mungkin berlaku dalam masa terdekat" katanya.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata masih belum lewat untuk menyelesaikan perbezaan. pendapat antara kedua-dua pemimpin terbabit.